

Headline	Tujuh wartawan pameran kebolehan menembak		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	01 Feb 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	NEWS	Color	Full Color
Page No	U10	ArticleSize	292 cm ²
AdValue	RM 1,606	PR Value	RM 4,818



Tujuh wartawan pameran kebolehan menembak

SINTOK - Sebanyak 15 agensi terdiri daripada dua negara serantau menjalinkan kerjasama dalam pertandingan menembak anjuran 5 Rejimen Sempadan (RS) di Lapangasar Tunku Puteri Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, semalam.

Dalam pertandingan itu, tujuh wakil media Kedah berkesempatan mengambil bahagian dan berpeluang mempamerkan bakat mereka.

Antaranya termasuk wartawan Berita Harian, Maria Uffa Zulkafeli; wartawan New Straits Times, Teoh Pei Ying dan Nor Nadirah Ahmad; wartawan Harian Metro, Zuliaty Zulkifli dan Rahmat Othman serta wakil Sinar Harian Kubang Pasu, Mohd Sofee Wahab.

Mewakili delegasi media, Zuliaty, berkata, peluang seperti itu memang dinantikan mereka yang mahu merasai

pengalaman baru menembak menggunakan senjata M-16.

Menurutnya, dia yang julung kalinya merasai pengalaman itu sangat teruja apabila dijemput untuk turut serta dalam acara dan memberitahu banyak pengetahuan ditimba mengenai pengendalian terhadap senjata berkenaan.

"Saya gembira kerana dapat melibatkan diri dalam acara sebegini kerana dapat merasai sendiri menggunakan senjata M16 dan diberi tunjuk ajar kaedah mengendalikannya yang sebelum ini dilihat mudah tetapi sebenarnya tidak.

"Oleh itu, saya berharap penganjur dapat menjadikan acara ini secara berterusan dan memberikan peluang kepada wakil media yang lain untuk merasai pengalaman yang hebat ini," katanya.

Bagi Nor Nadirah, program itu peluang baik bagi mengeratkan hubungan media di negeri ini dengan pelbagai

agensi kerajaan yang terbabit dengan pertandingan itu.

Menurutnya, penglibatannya dalam acara tersebut adalah pengalaman paling bermakna bagi dirinya yang suka dengan aktiviti mencabar seperti menembak.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput kami memeriahkan lagi program tahunan ini dan sekiranya masih berpeluang kami sedia terpanggil untuk melibatkan diri," katanya.

Terdahulu, antara agensi terlibat dalam pertandingan itu ialah wakil dari Pejabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Kastam Malaysia, 5RS, Jabatan Pertanian, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Pejabat Daerah Kubang Pasu, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Bukit Kayu Hitam dan Jabatan Kerja Raya (JKR)

Kubang Pasu.

Manakala badan beruniform dari negara jiran, Thailand menampilkan penyertaan dari pasukan Polis Patrol Sempadan (BPP), Polis Thailand (Dannok), Kastam (Sadao) dan Imigresen Thailand.

Sebanyak empat acara dipertandingkan termasuk acara Pull Bull M16, Praktis M16 dan pistol, acara jatuh piring M16 dan pistol serta acara jatuh piring pistol BAKAT.

Penolong Pegawai Memerintah 5RS, Mejar Md Uzir H M Said Abdullah berkata, pertandingan yang diadakan setiap tahun bermula pada 2011 dengan penyertaan yang menggalakkan.

"Kita yakin usaha yang ditunjukkan ini ia dilihat mampu mengeratkan hubungan dua negara berjiran ini selain membina ikatan persahabatan dan persefahaman antara agensi yang hadir," katanya.



Seorang anggota tentera memberi penerangan kepada wartawan terlibat mengenai penggunaan senjata M-16.